



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)**

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**PENDEKATAN KADEAH LATIH TUBI DALAM KEMAHIRAN  
MENULIS JAWI MURID TAHUN EMPAT DI SEKOLAH  
KEBANGSAAN LADANG SANDAK, SANDAKAN**

*DRILL METHOD APPROACH IN JAWI WRITING SKILLS OF YEAR 4 PUPILS IN  
SEKOLAH KEBANGSAAN LADANG SANDAK, SANDAKAN*

Sarinab Ariffin @ Eduny<sup>1\*</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>2\*</sup>, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin<sup>3</sup>, Syamsul Azizul Marinsah<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan, Sabah, Malaysia

Email: nimskief@yahoo.com

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: mnhidayath\_h@ums.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: syamsulazizul@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 31.12.2021

Revised date: 25.01.2022

Accepted date: 28.02.2022

Published date: 15.03.2022

**To cite this document:**

Ariffin @ Eduny, S., Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., & Marinsah, S. A. (2022). Pendekatan Kaedah Latih Tubi Dalam Kemahiran Menulis Jawi Murid Tahun Empat Di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak Sandakan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 112-126.

**Abstrak:**

Jawi adalah satu tulisan untuk bahasa Melayu. Dalam perlembagaan Perkara 152 menyebut bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan Negara ini. Terdapat dua tulisan dalam bahasa Melayu iaitu Jawi dan Rumi. Pelbagai kajian dan analisis telah dilakukan oleh pakar Jawi untuk memudahkan pengajaran Jawi secara berkesan. Kemerosotan kemahiran Jawi memberi impak yang besar kepada kemahiran penguasaan pembacaan dan penghayatan Kitab suci al-Quran dalam kalangan umat Islam pada hari ini. Hal ini disebabkan murid merasakan tulisan Jawi tidak penting dalam amalan sehari-hari dan penggunaan tulisan Jawi tidak secara global. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah faktor minat, sikap dan motivasi murid-murid terhadap penguasaan menulis Jawi serta kaedah pengajaran guru dan faktor persekitaran mempengaruhi tahap penguasaan murid menulis Jawi dengan menggunakan kaedah Latih Tubi. Seramai 65 orang murid Tahun Empat di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak dipilih sebagai responden dan kajian ini akan dijalankan selama dua semester ke atas responden yang terdiri daripada 38 murid lelaki dan 27 murid perempuan. Data dan maklumat yang diperoleh dalam kajian akan dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS), Versi 24 dan juga

DOI: 10.35631/IJEPC.745009

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



*Microsoft Excel* untuk menerangkan hasil kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan latih tubi dalam Pendidikan Jawi sangat memberikan implikasi positif dalam aspek membaca dan menulis. Justeru, kajian ini dapat membantu memberikan gambaran kepada guru-guru agama baru untuk menangani isu murid Pendidikan Islam khususnya dalam celik Jawi.

#### Kata Kunci:

Jawi, Kaedah Latih Tubi, Kemahiran Menulis, Sekolah

#### Abstract:

Jawi is a script for the Malay language. In the constitution, Article 152, states that Malay is the national language of this country. There are two types of writing in Malay, namely Jawi and Rumi. Various studies and analyses have been done by Jawi experts to facilitate the effective teaching of Jawi. The decline of Jawi skills has had a major impact on the proficiency skills of reading and appreciating the holy Book of the Quran among Muslims today. This is because students feel that Jawi writing is not important in daily practice and the usage of Jawi writing is not global. This study aims to identify the extent to which the factors of interest, attitude, and motivation of students towards the mastery of writing Jawi as well as teachers' teaching methods and environmental factors affect the level of students' mastery of writing Jawi by using the method of Drill. A total of 65 Year Four students at Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak were selected as respondents and this study will be conducted for two semesters on respondents, consisting of 38 male students and 27 female students. The data and information obtained in the study will be analysed qualitatively and quantitatively using *Statistical Package for Social Science (SPSS), Version 24 software* and *Microsoft Excel* to explain the results of the study. The findings show that the training approach in Jawi Education has very positive implications in the aspect of reading and writing. Hence, this information can help provide an insight to new religious teachers to address the issue of Islamic education students especially in Jawi literacy.

#### Keywords:

Jawi, Drilling Method, Writing Skills, School

## Pengenalan

Tulisan Jawi adalah satu simbol bangsa Melayu yang mesti dipelihara dan dipertahankan. Dalam kalangan umat Islam di Nusantara, medium perantara bagi menyampaikan sesuatu ilmu ialah tulisan Jawi. Selain itu, ia juga dijadikan sebagai medium bagi urusan kehidupan harian seperti perhubungan manusia, jual beli, undang-undang dan politik. Pada zaman dahulu, terdapat pelbagai bentuk bukti penggunaan tulisan Jawi yang boleh kita lihat seperti surat jual beli, batu bersurat dan sebagainya. Tulisan Jawi dikenali sebagai satu seni penulisan yang telah lama wujud di Nusantara dan kedatangan agama Islam berkait rapat dengan tulisan Jawi pada ketika itu. Dalam lipatan sejarah, tulisan Jawi berasal dari huruf-huruf Arab dan yang dimasukkan ke dalam sistem penulisan bahasa Melayu serta diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam sehingga kini. Catatan sejarah memperlihatkan tentang keagungan dan kegemilangan tulisan Jawi yang telah lama berlalu tetapi cukup bererti dalam tamadun Melayu. Pelbagai peristiwa yang memperlihatkan ketinggian nilai dan martabat

tulisan Jawi ketika Tanah Melayu berada dalam jajahan Inggeris di mana masyarakat perlu menguasai ilmu membaca dan menulis Jawi (Yusof, 2020).

Dewasa ini, kemampuan murid Islam dalam penguasaan Jawi di sekolah telah menunjukkan kemerosotan mulai tahun 1960an. Ini kerana penerbitan buku-buku teks dan rujukan Islam yang dicetak dengan tulisan Jawi telah ditukar ke tulisan Rumi (Nik Yaacob, 2007). Huruf-huruf Jawi yang digunakan sekarang adalah pinjaman dari bahasa Arab dan telah ditambah kepada beberapa huruf yang bersesuaian dengan perkataan bahasa Melayu. Tulisan Jawi adalah asas yang penting untuk mengajar dan belajar sesuatu mengenai agama Islam di Malaysia. Sepanjang lima abad penggunaannya, sistem ejaan Jawi untuk bahasa Melayu telah mengalami beberapa perubahan yang ketara. Penyusunan semula tulisan Jawi oleh pakar-pakar bahasa telah menjadikan tulisan Jawi semakin tersusun melalui kaedah ejaan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kerajaan mengambil pelbagai Langkah proaktif untuk memantap dan memartabatkan tulisan Jawi sebagai medium penyebaran ilmu pengetahuan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal ini sedikit sebanyak dapat merungkai masalah dalam pelajaran Jawi akibat dari arus pemodenan dalam pendidikan. Masih ramai dalam kalangan murid yang beragama Islam tidak mahir membaca dan menulis Jawi walaupun belajar Jawi (Endut, 1992).

Di Malaysia, pelbagai cara telah dilaksanakan dalam mengajar pendidikan Islam sama ada diajar dengan menggunakan buku-buku teks sebagai rujukan dan panduan menerusi dalam tulisan Jawi (Jusuh, 1990). Hasil dari penambahan huruf-huruf Arab dan penyusunan semula, maka tulisan Jawi dapat dihasilkan. Penambah baikan ini adalah untuk menyesuaikannya dengan lidah orang Melayu agar proses pengajaran dan pembelajaran mudah disampaikan. Selain melengkapkan murid dengan kemahiran membaca dan menulis Jawi, matlamat dalam pelajaran Jawi adalah untuk membolehkan murid memahami pelbagai bidang ilmu dalam pendidikan Islam. Menurut Yazid (1991) berpendapat, hampir keseluruhan murid bersikap negatif tentang tulisan Jawi. Mereka menganggap bahawa Jawi susah dipelajari, suatu mata pelajaran yang kurang penting dan tidak diuji dalam peperiksaan. Situasi ini secara tidak langsung memberikan pengaruh negatif terhadap pencapaian dan minat murid seterusnya akan melahirkan murid yang lemah dan semakin ketinggalan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kaedah latih tubi dalam pembelajaran adalah salah satu usaha yang dapat membantu murid untuk mengingati kembali segala ilmu yang dipelajari. Menurut Che Hussin (2009), setiap apa yang didengar, disebut, dilihat bahkan dibaca secara serentak dan diulang berkali-kali membolehkan murid untuk mengingat segala pelajaran yang telah diajar di sekolah. Persepsi ini dapat kita kaitkan dengan peristiwa yang berlaku kepada junjungan Nabi Muhammad SAW semasa penerimaan wahyu berkaitan dengan surah al-<sup>c</sup>Alaq iaitu ketika Baginda bertafakur di Gua Hira'. Nabi Muhammad SAW telah didatangi oleh Jibrail AS serta mengarahkan baginda dengan satu arahan keramat, "Bacalah!". Baginda disuruh membaca berulang kali sehingga baginda berjaya membaca lima ayat pertama dari surah al-<sup>c</sup>Alaq. Manakala Riza (2008) menyatakan bahawa murid lebih mudah menguasai dan memahami isi kandungan pelajaran melalui beberapa aktiviti latih tubi diikuti dengan sikap beradab dan penumpuan khusus murid-murid semasa pembelajaran berlaku. Guru perlu mengaplikasikan aktiviti latih tubi yang berpusat, dilakukan secara berterusan, penglibatan murid secara aktif dan terancang dalam membantu proses pemulihan Jawi. Di peringkat sekolah menengah dan rendah, latih tubi adalah suatu elemen yang diberi keutamaan dan telah lama dipraktikkan dalam pembelajaran. Oleh itu, kaedah latih tubi ini perlu diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Jawi di sekolah agar ia terkesan dan mudah diadaptasi oleh murid-murid.

## Kajian Literatur

Kajian literatur perlu dilaksanakan bagi mendapatkan idea hasil dari kajian-kajian yang lepas dan sebagai panduan dalam kajian yang muah dijalankan. Dapatan dari tinjauan ini telah memberi cetusan idea untuk mengkaji permasalahan belajar Jawi di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan. Dari semasa ke semasa, Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha mengurangkan masalah buta al-Quran dan Jawi. Pihak Kementerian Pendidikan juga telah menganjurkan Seminar Jawi Peringkat Kebangsaan pada tahun 2000. Pekeliling Ikhtisas telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2003 dan telah di edar ke semua sekolah yang mana dalam edaran tersebut menekankan kepada penguasaan Jawi dan al-Quran khususnya enam bulan pertama di tahun satu (KPM, 2015). Para guru diminta untuk melaksanakan pelbagai program dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah khasnya. Pengajaran pendidikan Islam dalam bidang Jawi adalah berlandaskan sukanan pelajaran Jawi yang telah dibekalkan kepada guru-guru pendidikan Islam. Penguasaan murid dalam menulis Jawi semakin merosot sejak buku teks dan buku-buku rujukan pendidikan Islam ditukar penulisannya dari huruf Jawi ke huruf Rumi yang berlaku seawal tahun 1960an (Haron, 2005). Namun, atas desakan dari masyarakat Islam, pada pertengahan 1980an tulisan Jawi digunakan semula dalam pengajaran pendidikan Islam.

Ibrahim (2015) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Kesan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan Terhadap Kemahiran Membaca dan Menulis Jawi dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis permasalahan yang dihadapi oleh murid pemulihan Jawi dalam kemahiran membaca dan menulis Jawi. Permasalahan tersebut ialah empat aspek bacaan dan tulisan suku kata Jawi, perkataan Jawi, rangkai kata Jawi dan ayat mudah Jawi melalui analisis yang dijalankan. Dapatan dari analisis ini dikumpulkan bagi membina Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan (MPIB) terhadap murid pemulihan Jawi Tahun 5 di sekolah rendah. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan kaedah belajar *Malakat* dan *Tadrij* Ibnu Khaldun menerusi MPIB memberi impak kepada pencapaian pemulihan Jawi murid tahun lima.

Kajian Tamuri & rakan-rakan (2004), berkaitan dengan *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar* mendapati bahawa tahap kebolehan menulis Jawi murid adalah sederhana (67.8%). Kajian Suhid, A & Abdul Mutualib, L. (2008), menunjukkan tahap kebolehan murid membaca dan menulis perkataan mudah daripada suku kata tertutup adalah 49.2% membaca dan menulis perkataan mudah daripada suku kata terbuka adalah 57.9% dalam Jawi. Bagi Yaakob (2001) dalam Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang bertajuk *Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaiannya dalam Pendidikan Islam* bertujuan mengenal pasti hubungan penguasaan Jawi dengan pencapaian pelajar Tingkatan 2 dan 4 dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebolehan pelajar Tingkatan 2 dan 4 dalam kemahiran Jawi berada di tahap lemah. Walau bagaimanapun, kajian ini dibuat ke atas beberapa buah sekolah menengah yang tentunya agak berlainan dengan situasi dan keadaan yang berlaku di sekolah rendah.

Manakala dalam kajian Nahar & Safar (2016) yang bertajuk *Pengajaran Jawi Berkesan dalam Usaha Memartabatkan Warisan Budaya Bangsa* mengkaji dan mengenal pasti keberkesanan pengajaran Jawi dari aspek pendekatan, kaedah, strategi, serta teknik yang diaplikasikan dalam usaha untuk merangsang minat mereka terhadap tulisan Jawi seterusnya menghargai tulisan Jawi sebagai satu seni budaya bangsa (Maruki, 2005). Pengajaran seorang guru berkait rapat dengan penerimaan murid tentang ilmu yang diajarkan. Guru yang dapat menyampaikan ilmu

dengan baik dan berkesan akan dapat menghasilkan pelajar yang mampu menguasai kemahiran Jawi dengan baik dan dapat mencapai tahap yang tinggi dalam pelajaran.

Realitinya, daripada kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa kebolehan pelajar terhadap Pelajaran Jawi masih pada tahap yang lemah dan membimbangkan (Mohamad, 2007). KPM telah melakukan pelbagai usaha bagi melihat perubahan generasi muda mahir Jawi. Penguasaan Jawi juga berkait rapat dengan kelemahan membaca al-Quran dengan lancar (Abd Wahab & rakan-rakan, 2016). Faktor yang menyumbang kepada kelemahan murid untuk menguasai pelajaran Jawi antaranya ialah Guru Pendidikan Islam kurang berkemahiran dalam mengajar Jawi (Bhasah & rakan-rakan, 2012). Manakala Md. Sahmilin (2012) dalam kajiannya mendapati kelemahan murid dalam menguasai pelajaran adalah disebabkan guru menggunakan kaedah yang kurang sesuai semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kepada faktor itulah, murid tahun tiga di salah sebuah sekolah di Sarawak lemah dalam kemahiran menyambung huruf.

Keperluan untuk mempelajari Bahasa Arab (tulisan Jawi) dan mengasingkannya dari bidang Islam serta dianggap satu bidang yang berlainan akan memberikan impak kepada pelajaran Jawi. Hasil kajian Mohd. Rashid (1991) yang mendapati persaingan tulisan Rumi dan Jawi dalam pengajaran yang banyak diaplikasikan di sekolah-sekolah menyebabkan penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah adalah rendah. Tamuri & rakan-rakan (2012) menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam di salah sebuah sekolah di Selangor menggunakan kaedah ‘membaca huruf’ semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan. Dengan cara tersebut, hasil data menunjukkan ‘membaca huruf’ mendapat min 4.61, manakala kaedah ‘latih tubi penulisan’ mendapat min 4.53 dan seterusnya penggunaan kaedah ‘kuliah dan penerangan’ pula mendapat min sebanyak 4.31. Manakala pencapaian min sebanyak 3.39 diperolehi dari kaedah ‘akhbar dalam darjah’. Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa ramai guru Pendidikan Islam cenderung menggunakan kaedah berpusatkan guru seperti kaedah kuliah, syarahan serta memberi contoh dan amat kurang menggunakan kaedah berpusatkan pelajar dalam pengajaran mereka. Mohamed & rakan-rakan (2015) telah menjalankan kajian ke atas 2398 orang pelajar yang berada di tingkatan dua di 14 buah sekolah menengah kebangsaan dalam Daerah Hulu Selangor dengan menggunakan tiga pemboleh ubah iaitu sejauhmana pelajar menguasai tulisan Jawi, faktor minat pelajar dan cara Guru Pendidikan Islam mengajar Jawi. Instrumen ini digunakan pengkaji sebagai evidens untuk mengumpul makumat.

Kajian Daud (2005), berkaitan dengan keberkesanan program j-QAF yang diwujudkan di sekolah rentis di Terengganu melihat sejauhmana modul-modul yang dikeluarkan oleh KPM ini dapat membantu memulihkan dan meningkatkan kemahiran mengenal dan membaca huruf Jawi tunggal dalam kalangan pelajar di sekolah tersebut. Pada masa ini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sedang giat berusaha untuk menyediakan bahan-bahan bacaan dalam tulisan Jawi. Kementerian Pelajaran Malaysia juga berpendapat bahawa semua pihak harus memainkan peranan dalam memartabatkan tulisan Jawi bagi menghasilkan impak yang positif dalam laporan Penguasaan Jawi di sekolah-sekolah rendah (Basri, 1991). Daripada laporan ini dapatlah disimpulkan bahawa huraian dapatan data dan fakta dari kajian ini, sebenarnya masih terdapat ruang bagi pengkaji untuk melakukan kajian kerana setiap kajian yang dilakukan akan melibatkan murid yang berbeza dari segi persekitaran dan berubah mengikut peredaran masa. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran faktor minat dan kecenderungan murid memainkan peranan dalam mencapai prestasi yang tinggi terhadap bidang yang diceburi.

Menerusi kajian Che Mat & rakan-rakan (2016) pula bertujuan untuk mengetahui sejauh mana faktor sikap, minat dan keinginan murid-murid terhadap pelajaran Jawi, cara guru mengajar dan faktor persekitaran yang mungkin boleh mengganggu murid untuk mahir membaca Jawi. Hasil kajian tersebut menyatakan bahawa penguasaan Jawi dalam kalangan murid KAFA masih di tahap yang sederhana. Ibrahim & rakan-rakan (2019) dalam artikel mereka yang bertajuk *Pemerkasaan Tulisan Jawi Dahulu dan Kini* membincangkan tentang cara untuk meningkatkan kemahiran menulis Jawi melalui beberapa medium yang berbeza. Seterusnya kajian Daros (1981) membuat rumusan bahawa pengajaran guru yang kurang berkesan menyebabkan murid kurang berminat untuk belajar. Pelajar yang lemah dalam pelajaran akan mudah merasa bosan semasa belajar kerana tidak memahami pengajaran guru dan kemerosotan ini akan bertambah jika guru tidak bijak menarik minat pelajar untuk belajar serta terus membiarkan murid berkenaan tidak mengikuti pembelajaran dengan baik. Kajian Harun (2017) yang mengupas berkaitan kaedah MOHAIL sehingga sekolah-sekolah di Semenanjung merasai kesannya yang mana kaedah ini dapat membantu pelajar yang lemah membaca dan menulis Jawi sama ada secara individu atau berkumpulan. Kaedah MOHAIL ini menggunakan teknik fonik dan latih tubi agar murid mampu meningkatkan penguasaan membaca terutama kepada murid-murid pemulihan.

### Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan kaedah campuran iaitu secara kualitatif dan kuantitatif. Menerusi kaedah kualitatif, pengkaji telah mengadakan sesi temu bual bagi mendapatkan justifikasi kepada pelaksanaan guru dalam kaedah latih tubi Pendidikan Jawi bagi murid Tahun Empat di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan. Data temu bual ini akan dianalisis secara tematik bagi menyokong dapatan sedia ada. Manakala kaedah kuantitatif pula adalah menerusi respon ujian dan soal selidik yang dijawab oleh murid-murid terhadap soalan yang disediakan oleh pihak KPM. Data dan maklumat yang diperoleh dalam kajian ini telah dianalisis secara kuantitatif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*, Versi 24 dan juga *Microsoft Excel* untuk menerangkan hasil dapatan kajian. Kajian ini melibatkan seramai 65 orang murid Tahun Empat di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak dipilih sebagai responden. Pemilihan murid Tahun Empat dalam kajian ini adalah kerana mereka berada dalam tahun pertama tahap kedua sekolah rendah dan ia menunjukkan berlakunya sedikit perubahan dalam sosio pembelajaran. Perubahan tahap satu ke tahap dua ini menjadi ukuran utama guru dalam penguasaan Jawi. Kajian ini dijalankan selama dua semester atau lapan bulan kerana ia adalah tempoh kajian yang telah ditetapkan oleh Universiti Terbuka Malaysia Cawangan Sandakan bagi seseorang calon sarjana.

### Dapatan dan Perbincangan

Kajian Pendekatan Kaedah Latih Tubi dalam Kemahiran Menulis Jawi telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan yang melibatkan murid-murid di Tahun Empat. Bilangan murid, jumlah kelas dan jantina murid dalam kajian ini adalah seperti Jadual 1 berikut.

Kelas	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Tahun 4 Amanah	18	14	32
Tahun 4 Bersih	20	13	33
Jumlah keseluruhan			65

**Jadual 1: Bilangan Murid Mengikut Kelas**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2021

Jadual 1 menunjukkan bilangan murid yang terlibat dengan kajian ini, ia terdiri daripada murid Tahun Empat Amanah dan Tahun Empat Bersih Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak. Bagi Tahun Empat Amanah, jumlah murid adalah seramai 32 orang iaitu mewakili 49% data kajian dan Tahun Empat Bersih pula adalah 51% iaitu seramai 33 orang murid. Jumlah keseluruhan murid adalah seramai 65 orang. Pembahagian kelas yang telah dilakukan adalah berdasarkan beberapa faktor utama antaranya adalah berkaitan dengan tahap penguasaan akademik murid dan juga tingkah laku sahsiah disiplin mereka semasa di sekolah khususnya dalam kelas. Kedua-dua faktor ini adalah pengukur utama bagi menentukan murid tersebut layak ditempatkan di kelas Amanah (A) ataupun kelas Bersih (B). Kelas Amanah adalah kelas yang menempatkan murid yang mempunyai prestasi akademik yang lebih baik jika hendak dibandingkan dengan kelas Bersih. Bagi faktor tingkah laku sahsiah disiplin pula ia bertindak sebagai penyumbang untuk menentukan kelas yang murid akan ditempatkan jika terdapat sedikit kelemahan dalam penguasaan akademik.

Pembahagian kelas ini bertujuan untuk melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran semasa di bilik darjah. Guru tidak perlu menyediakan rancangan pengajaran yang banyak kerana murid di dalam kelas yang sama mempunyai tahap pencapaian yang hampir sama. Kita sedia maklum bahawa setiap murid mempunyai tahap kecerdasan dan sahsiah tingkah laku yang berbeza. Maka dengan pembahagian seperti ini ia akan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Bagi Guru, pengajaran akan lebih mudah dicapai matlamatnya jika murid dalam kelas mempunyai tahap kecerdasan yang hampir sama kerana guru hanya perlu menyediakan pengajaran yang memfokuskan terhadap satu aras pembelajaran sahaja jika hendak dibandingkan dengan kelas yang mempunyai murid pelbagai tahap kecerdasan. Kelas yang mempunyai murid pelbagai arah kecerdasan, guru perlu menyediakan pengajaran yang pelbagai seperti aras rendah bagi murid yang lemah, aras sederhana untuk sebahagian besar murid dan aras tinggi bagi murid yang mempunyai IQ tinggi tahap penguasaan akademik mereka. Perkara seperti ini membuatkan guru terpaksa memberi perhatian yang lebih dengan kekangan masa pengajaran yang terhad terhadap salah satu kelompok yang menjadi fokus guru sahaja maka ia akan berlaku pengabaian terhadap murid yang lain.

Berdasarkan kepada gender pula, iaitu sebanyak 58% atau seramai 38 orang murid adalah murid lelaki dan selebihnya 42% pula adalah murid perempuan iaitu seramai 27 orang. Antara faktor utama kelas Tahun Empat ini di pilih sebagai memenuhi keperluan kajian adalah kerana faktor jantina. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, menunjukkan bahawa bilangan murid lelaki adalah lebih ramai di kedua-dua kelas jika dibandingkan dengan jumlah murid perempuan. Majoriti murid lelaki adalah murid yang lemah terhadap penguasaan Jawi jika hendak dibandingkan dengan murid perempuan. Justifikasi tersebut adalah bertujuan untuk melihat sejauh manakah kaedah lati tubi yang menjadi pokok kajian yang dipraktikkan oleh guru dalam pengajaran Jawi dapat membantu murid yang lemah untuk meningkatkan tahap penguasaan meraka terhadap kemahiran membaca dan menulis Jawi. Faktor utama yang lain pemilihan kelas ini adalah disebabkan oleh murid Tahun Empat adalah merupakan murid kohort pertama dalam kurikulum baharu sistem pendidikan di Negara kita pada masa kini iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) semakan 2017. KSSR diperkenalkan pada tahun 2009 dengan menjadikan 500 buah sekolah sebagai sekolah rintis dan mula dilaksanakan sepenuhnya secara berperingkat pada tahun 2011.

KSSR adalah merupakan satu bentuk transformasi pendidikan negara yang selari dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu melakukan proses perubahan yang holistik kepada kurikulum sedia ada yang melibatkan perubahan bentuk organisasi, kandungan, *Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved*

pedagogi, peruntukan masa, kaedah pentaksiran, bahan dan pengurusan kurikulum bagi memenuhi keperluan pembangunan pendidikan semasa. Pada tahun 2017, edisi semakan KSSR 2017 mula diperkenalkan dan dilaksanakan secara berperingkat sehingga kajian ini mula dibuat iaitu pada tahun 2020 edisi semakan 2017 dilaksanakan pada murid Tahun Empat dan perubahan tersebut juga tidak terlepas bagi kurikulum Jawi. Tempoh masa yang telah dilalui oleh murid selama 4 tahun bermula dari Tahun Satu sehingga Tahun Empat sudah memadai untuk dinyatakan bahawa mereka telah biasa dengan model Standard Kurikulum Baharu Jawi.

### **Prestasi Murid sebelum dan selepas pelaksanaan kaedah Latih Tubi**

Gred	Bilangan	Peratus
A	14	22%
B	19	29%
C	16	25%
D	9	14%
E	7	10%
Jumlah	65	100%

**Jadual 2: Keputusan Ujian Murid Mengikut Gred Sebelum Pelaksanaan Kaedah Latih Tubi**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2021

Untuk mengesan prestasi murid, pengkaji telah menjalankan ujian Jawi terhadap murid Tahun Empat dan guru-guru telah mengaplikasikan kaedah latih tubi sebelum ujian ini dilaksanakan. Dapatkan data maklumat mengenai prestasi murid adalah seperti berikut. Murid yang mencapai prestasi tahap cemerlang adalah 22% iaitu seramai 14 orang daripada keseluruhan murid. Prestasi tahap baik adalah 29% iaitu seramai 19 orang murid. Prestasi tahap memuaskan adalah seramai 16 orang murid iaitu 25%. Jika kita bahagikan tahap prestasi kepada dua iaitu pertama menguasai tahap minimum dan tidak menguasai tahap minimum maka kita akan mendapati bahawa 90% murid telah mencapai tahap minimum dan hanya 7 orang murid iaitu 10% daripada keseluruhan jumlah murid sahaja yang tidak mencapai tahap penguasaan minimum.

Setelah pelaksanaan kaedah Latih Tubi dilaksanakan ke atas murid-murid Tahun Empat, markah pencapaian mereka jelas ketara dan menunjukkan impak positif. Hasil dapatan kajian mendapati peratusan murid boleh mengenal huruf dalam tulisan Jawi sebanyak 83%, murid boleh mengenal, menyebut dan menulis huruf dalam tulisan Jawi sebanyak 83%, murid boleh membaca dan menulis perkataan dalam Jawi 67%, murid berkebolehan membaca dan menulis ayat dalam tulisan Jawi dengan betul dan membudayakan dalam kehidupan sehari-hari 67%, murid berkebolehan membaca, membina dan menulis dalam tulisan Jawi dengan betul serta berminat membaca dan menulis Jawi 67%, murid berkebolehan membaca, membina, dan menulis ayat dalam tulisan Jawi dengan lancar serta boleh dicontohi dan membimbing orang lain 67%. Berdasarkan dapatan kajian ini dapat kita membuat kesimpulan ringkas bahawa kaedah latih tubi yang aplikasikan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi dapat membantu murid dalam meningkatkan prestasi penguasaan Jawi mereka.

### **Komitmen dan Minat Guru**

Hasil kajian secara keseluruhannya menunjukkan, guru memberi komitmen yang tinggi ketika mengajar mata pelajaran Jawi. Item-item mengenai guru sentiasa merancang, menjalankan ujian, membuat persediaan mengajar, merekod pencapaian prestasi murid, berusaha menjadi

guru dedikasi, gembira ketika mengajar Jawi, memberi perhatian masalah pembelajaran murid dan prihatin keperluan pembelajaran murid mendapat 100%. Namun, bagi item guru Jawi dan minat mengajar Jawi tidak setuju 25% dan yang bersetuju 75%. Guru memerlukan pengetahuan dan kemahiran sebagai persiapan awal untuk mengajar Jawi. Contohnya, guru perlu mengambil tahu terlebih dahulu tahap dan kebolehan murid-murid di dalam kelas bagi membantu mereka menyediakan rancangan aktiviti yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran murid. Ini kerana dengan mengaplikasikan kaedah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran jawi menjadi salah satu perkara yang menjadi kayu ukur kepada keberkesanan ilmu yang disampaikan (Mokhtar & rakan-rakan, 2021c). Walaupun guru di sekolah ini mempunyai pengalaman yang lama dalam bidang pendidikan, namun mereka juga tidak terkecuali dalam mengikuti kursus-kursus yang diadakan dalam memantapkan pengajaran mereka. Khususnya dalam bidang mengajar Jawi. Ini adalah kerana banyak ejaan Jawi yang telah ditukar ejaan dari yang lama kepada yang baharu. Mereka sering mengikuti latihan-latihan yang dianjurkan oleh Unit Pendidikan Islam, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sandakan. Di samping itu, kesemua responden menyatakan bahawa mereka sebagai guru, setuju bahawa guru perlu peka dan prihatin terhadap masalah pembelajaran murid dalam Jawi khasnya. Apabila guru peka terhadap masalah pembelajaran murid, guru akan berupaya memberikan pengukuhan yang sesuai sama ada positif atau negatif untuk menggalakkan tingkah laku yang baik mahupun mengurangkan tingkah laku yang tidak baik semasa mengajar. Secara tidak langsung, hal ini dapat meningkatkan motivasi ekstrinsik murid-murid seterusnya akan mempengaruhi minat murid dalam mempelajari Jawi.

### Prestasi Murid

Dapatkan daripada soal selidik bahagian aspek prestasi murid, kebanyakkan responden bersetuju bahawa murid-murid mempunyai pengetahuan asas tentang Jawi iaitu mengenal huruf dalam tulisan Jawi serta boleh mengenal, menyebut dan menulis huruf dalam tulisan Jawi. Walau bagaimanapun, segelintir guru berpendapat bahawa murid-murid kurang membudayakan Jawi dalam kehidupan seharian, kurang berminat dalam menulis serta membaca Jawi dan kurang lancar dalam penulisan Jawi apatah lagi untuk membimbing rakan lain. Berdasarkan julat min iaitu 2.72, dapat dirumuskan bahawa aspek prestasi murid hanya mencapai di tahap yang sederhana. Ini adalah kerana pengkaji berhadapan dengan Pandemik Covid-19 semasa melakukan kajian ini seterusnya menyukarkan pengkaji untuk memantau penglibatan murid disebabkan berbagai faktor antaranya ialah ketiadaan capaian internet apabila mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPr) (Mokhtar & rakan-rakan, 2021a). Oleh itu, pengkaji memperkenalkan kaedah latih tubi agar murid-murid dapat membiasakan diri dengan penulisan Jawi dalam kehidupannya di samping cuba memupuk minat dalam mempelajari Jawi dengan kepelbagaian aktiviti serta bantu belajar semasa PdPr di rumah.


Hasil dapatkan ujian membaca dan menulis Jawi juga menunjukkan implikasi positif dalam Pendidikan Jawi di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan. Berikut adalah prestasi murid dalam ujian membaca dan menulis berdasarkan skala gred pencapaian murid yang telah ditetapkan oleh KPM seperti dalam Rajah 1 berikut:



**Rajah 1: Prestasi Murid Membaca Jawi**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2021

Rajah 1 di atas menunjukkan peratusan prestasi murid semasa kajian ini dijalankan. Oleh kerana kajian ini melalui dua fasa iaitu fasa murid bersekolah secara bersemuka dan fasa Pandemik Covid-19, pengkaji telah mengubah strategi cara penilaian murid dengan cara memberikan modul semasa PdPr dan dipantau pelaksanaannya dengan cara *video call WhatsApp* dan menghantar semula modul pada masa yang telah ditetapkan. Untuk memberikan semangat kepada murid, pengkaji telah memberikan hadiah berupa kredit RM5 kepada murid yang berjaya mendapatkan markah 80% ke atas. Pendekatan Latih Tubi dalam Pendidikan Jawi jelas memberikan sinar baharu kepada murid-murid untuk lebih mudah mempelajari serta menguasainya Pendidikan Jawi berbanding dengan pendekatan lain di Sekolah Kebangsaan Landang Sandak, Sandakan.



**Rajah 2: Prestasi Murid Menulis Jawi**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2021

Rajah 2 di atas menunjukkan prestasi murid dalam menulis tulisan Jawi selepas penerapan kaedah Latih Tubi dijalankan ke atas mereka. Terdapat sedikit peningkatan kemahiran murid dalam menulis Jawi selepas beberapa kali kaedah Latih Tubi dijalankan kepada mereka. Murid sudah pandai menyambung huruf-huruf Jawi melalui suku kata terbuka dan tertutup dengan betul, tulisan yang kemas dan cantik (Abdah, 2021). Setelah ujian membaca dan menulis di jalankan terhadap 65 orang murid Tahun Empat, analisa mendapati ujian menulis mendapat skor yang lebih baik daripada ujian membaca. Bagi ujian membaca, 10 orang murid (6%) mendapat skor tertinggi iaitu 80-100 markah. Bagi ujian menulis 18 orang (28%) mendapat skor 80-100 markah. Bagi ujian membaca 10 orang murid (15%) mendapat markah di bawah 40. Manakala bagi ujian menulis, 7 orang murid (11%) mendapat markah di bawah 40. Data keputusan ini adalah berdasarkan selepas beberapa kali murid diberikan latihan dan ujian menulis Jawi dengan menggunakan kaedah Latih Tubi dalam pengajaran. Murid-murid juga

disarankan untuk selalu membuat latihan menulis di rumah untuk membantu mempercepatkan penguasaan mereka dalam kemahiran menulis dan membaca Jawi.

### Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Dalam aspek penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) pula, pihak KPM turut menyediakan bahan dalam Pendidikan Jawi di sekolah. Namun, hanya 67% sahaja dalam kalangan guru-guru sahaja yang bersetuju dengan BBM yang disediakan tersebut dan selebihnya iaitu 33% tidak menggunakan BBM tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Guru-guru lebih senang dan mudah menggunakan BBM sendiri dalam melaksanakan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) kepada murid. Guru kerap menggunakan lembaran kerja, BBM permainan yang pelbagai, BBM kapur dan papan tulis. Selain itu, guru Pendidikan Islam turut menggunakan kad imbasan sebagai BBM dalam Pendidikan Jawi (Bakri, 2021). Hasil daptan kajian turut mendapat min bagi penggunaan BBM semasa PdPc dan PdPr adalah adalah pada tahap sederhana. Ini adalah kerana, guru masih kurang mahir dalam Pengajaran dan Pembelajaran *online* yang mana guru-guru pertama kali berdepan dengan situasi Pandemik Covid-19 dan masih perlu belajar menghantar tugas kepada murid melalui pelbagai aplikasi contohnya aplikasi *WhatsApp*, *Google Classroom*, *Zoom Meeting* dan sebagainya serta guru harus mencari solusi terbaik agar murid dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Dalam penyediaan BBM ini, guru menyediakan sendiri BBM menggunakan wang saku sendiri. Ini adalah kerana, terdapat dua orang guru yang dikira masih baru dalam bidang pendidikan dan keluaran Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM). Mereka ini telah terlatih untuk membina dan membuat BBM sendiri sejak di IPGM lagi. Idea mereka masih baru dan sering membina BBM yang terkini dan lebih diminati murid-murid berbanding dengan BBM yang disediakan oleh KPM yang sangat terhad penggunaannya. Guru harus mencari inisiatif lain untuk membantu perkembangan minda murid-murid seterusnya dapat melaksanakan PdPc dengan lebih berkesan. Dalam teori tingkah laku, sesuatu rangsangan perlu diberikan terlebih dahulu agar dapat menggalakkan perubahan tingkah laku yang diingini. Oleh itu, BBM merupakan rangsangan yang penting dalam menggalakkan murid-murid minat dengan pembelajaran Jawi. Walaupun guru-guru perlu berusaha lebih dalam menyediakan BBM, kesemua responden yang terdiri daripada guru pendidikan Islam bersetuju bahawa mereka lebih selesa menggunakan BBM berbanding hanya bergantung kepada kaedah *chalk and talk* ketika sesi PdPc.

### Aplikasi Kaedah Mengajar

Terdapat beberapa kaedah dan teknik mengajar yang dicadangkan dalam aplikasi kaedah mengajar mata pelajaran Jawi. Dapatan menunjukkan hampir semua guru kurang mengaplikasikan kaedah-kaedah yang telah di cadangkan. Namun, pengkaji lebih menekankan kaedah Latih Tubi dalam setiap aktiviti kaedah pengajaran dalam Pendidikan Jawi. Kebanyakkan guru mengaplikasikan kaedah Latih Tubi dalam pengajaran mereka contohnya dalam Kaedah Permainan, Kaedah Kuiz Bertulis dan Kaedah Projek. Manakala bagi Kaedah Nyanyian dan lakonan, guru tidak mengaplikasi kaedah ini dalam pengajaran Jawi mereka kerana agak tidak bersesuaian. Menurut Mokhtar & rakan-rakan (2021b) sebagai seorang guru, kita perlulah menggunakan hikmah dan nasihat yang baik dalam pembelajaran agar para pelajar dapat menerima segala apa yang disampaikan oleh guru dengan hati yang terbuka. Justeru, dapatan min dalam kajian juga menunjukkan aplikasi latih tubi sedikit tinggi berbanding min pendekatan yang lain walaupun masih berada di tahap pencapaian yang sederhana.

Sebagai guru, sememangnya kepelbagaian kaedah perlu diaplikasi bagi sesi PdPc yang berkesan. Hal ini kerana, gaya pembelajaran setiap murid adalah berbeza antara satu sama lain. Sebenarnya setiap daripada kita mempunyai keunikan tersendiri, misalnya ada murid yang mungkin lebih suka dengan kaedah lakonan atau permainan kerana lebih minat dengan aktiviti yang melibatkan pergerakan atau kinestetik tetapi ada juga murid yang lebih gemar dengan kaedah nyanyian atau soal jawab kerana mereka lebih suka gaya pembelajaran yang melibatkan auditori atau mempunyai kecerdasan pelbagai dari aspek muzik mahupun verbal-lingistik. Kaedah Latih Tubi dalam permainan adalah lebih mudah dilaksanakan dan lebih mudah difahami oleh murid (Abdah, 2021). Ia juga dapat melibatkan ramai murid dalam setiap aktiviti yang dijalankan dan bersifat menyeronokkan. Seperti yang diketahui, kanak-kanak mula mempelajari sesuatu daripada aktiviti bermain. Begitu juga dengan kaedah projek yang mana boleh dijalankan dalam kumpulan kecil untuk lebih terkawal dan mudah difahami serta semua murid terlibat dalam memberikan hasil dalam kumpulan mereka masing-masing. Hal ini akan meningkatkan lagi semangat bekerjasama dalam sesuatu kumpulan dan bersaing secara sihat dalam kelas.

### **Minat dan Penglibatan Murid**

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan murid-murid berminat dalam pembelajaran Jawi. Antara dapatan kajian murid suka belajar Jawi sebanyak (63%) manakala yang tidak berminat dan kurang bersemangat belajar Jawi adalah sebanyak (37%). Walau bagaimanapun, ada guru yang bersetuju bahawa, murid sukar untuk didisiplinkan iaitu sebanyak (2%). Walaupun jumlah murid yang sukar didisiplinkan adalah sedikit, tetapi jumlah ini memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi murid yang lain. Salah satu faktor yang dikenal pasti membawa kepada masalah disiplin dalam kalangan murid ini ialah mereka tinggal dalam perkampungan yang persekitarannya dan pergaulan antara mereka adalah bebas (Bakri, 2021). Ibu bapa mereka tidak dapat memberikan sepenuh perhatian terhadap anak mereka disebabkan keduanya keluar bekerja seawal pagi dan balik ke rumah pada sebelah petang atau malam. Murid-murid ini juga adalah penyumbang kepada peratus murid yang sering tidak membuat kerja rumah serta latihan yang diberikan semasa pembelajaran berlangsung di dalam kelas. Alasan yang sering diberikan ialah ketiadaan buku, ketiadaan pensel dan sebagainya. Apabila ibu bapa tidak memberi perhatian tentang pembelajaran murid di rumah, lebih sukar untuk mereka mengingati dan menghayati pembelajaran dan sikap culas murid-murid ini semasa di sekolah juga akan menyebabkan mereka kurang menguasai kemahiran seperti penulisan Jawi.

### **Peratus Aspek Minat, Penglibatan Murid**

Berdasarkan analisa penilaian dari guru pemulihan Jawi mendapati aspek minat dan penglibatan murid terhadap Pendidikan Jawi berada pada tahap yang memuaskan. Guru mengakui murid minat belajar Jawi dan akan lebih berminat belajar Jawi apabila penglibatan mereka dihargai dalam setiap aktiviti pembelajaran Jawi. Latih tubi merupakan suatu latihan yang dilaksanakan secara berulang kali agar seseorang itu mampu menguasai sesuatu kemahiran. Ketika mengulangi semula sesuatu kemahiran, seseorang akan bermula dengan pengalaman yang sedia ada. Hal ini menyebabkan pendekatan latih tubi berjaya mengasah kemahiran yang diingini. Oleh itu, kaedah latih tubi yang di tekanan juga telah memberi impak dalam meningkatkan penguasaan murid menulis Jawi dengan betul dan kemas.

Peneguhan yang sesuai amat diperlukan bagi mengukuhkan sesuatu tingkah laku seperti meningkatkan latih tubi dalam Pendidikan Jawi. Guru perlu bijak menggunakan peneguhan-peneguhan ini untuk menggalakkan tingkah laku baik murid ketika melaksanakan latih tubi. Perkara ini telah diuji dalam teori tingkah laku di mana seseorang perlu mendapat rangsangan

kemudian diperkuuhkan lagi dengan peneguhan dan barulah tindak balas atau tingkah laku yang diinginkan boleh berlaku (Ghani, 2021). Penghargaan berbentuk kata-kata semangat dan penghargaan dari segi mereka dicalonkan untuk mengikuti pertandingan-pertandingan yang dianjurkan disekolah juga telah memotivasi mereka untuk belajar menulis dan membaca Jawi. Ia terbukti apabila murid gemar mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh Panitia Pendidikan Islam.

Faktor masa yang singkat semasa pembelajaran Jawi menyebabkan sebahagian murid sukar untuk dipulihkan. Mereka ini memerlukan banyak latihan selepas PdPc berlangsung. Hal inilah yang menyebabkan pengkaji ingin menekankan kaedah latih tubi untuk memperkasakan penulisan Jawi dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak. Setiap murid adalah berbeza dari aspek tahap penguasaan dalam sesuatu pelajaran atau kemahiran, misalnya terdapat murid yang mampu menguasai apa yang dipelajari dengan melaksanakan latihan sekali sahaja tetapi ramai juga dalam kalangan murid yang hanya boleh menguasai pelajaran apabila diulang beberapa kali. Jika sesuatu kemahiran dilakukan secara berulang-ulang, murid akan mudah mengingat bukan sahaja contoh-contoh penulisan Jawi tetapi juga cara menulis dan menyambungkan suku kata Jawi.

Selain itu, faktor disiplin ketika belajar Jawi memainkan peranan dalam penguasaan mereka dalam belajar Jawi (Ghani, 2021). Guru merasakan sebahagian murid yang belum menguasai tulisan Jawi adalah kerana murid kurang minat belajar Jawi dan merasakan belajar Jawi adalah tidak penting dan tidak dinilai dalam ujian besar contohnya Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Murid yang tidak pandai membaca Jawi ini sudah pasti akan menjelaskan minat belajar mereka terhadap Jawi. Seseorang individu murid seharusnya dipupuk dengan rasa minat akan penulisan Jawi kerana apabila meminati sesuatu, murid akan lebih bermotivasi untuk melaksanakan latih tubi. Apabila sesuatu kemahiran sudah menjadi kebiasaan, ia akan menjadi suatu rutin dalam kehidupan seseorang dan akhirnya kemahiran itu terasa mudah untuk dilaksanakan apabila sudah mampu dikuasai.

## **Penutup**

Secara keseluruhannya, hasil daripada kajian ini telah mendapati penggunaan teknik latih tubi terbukti telah dapat membantu dalam meningkatkan penguasaan kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid Tahun Empat di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak Sandakan, Sabah. Kajian ini juga melihat kecenderungan atau minat pelajar untuk mempelajari Jawi dengan pendekatan Latih Tubi yang sesuai dengan keupayaan dan minat mereka. Bagi memastikan kejayaan seseorang murid dalam Pendidikan, para guru perlulah bijak untuk mengaplikasi kaedah dan pendekatan yang sesuai dengan pelajarnya. Kegagalan guru memahami kehendak dan kaedah yang sesuai dengan murid, sudah pasti segala usaha yang dijalankan kepada mereka tidak tercapai. Pendekatan Latih Tubi ini bukan sahaja banyak membantu dalam Pendidikan Jawi di sekolah, malah ia dapat diaplikasikan lagi dalam setiap pelajaran mengikut kreativiti seseorang guru.

## **Rujukan**

- Abd Wahab, N. S., Lubis, M.A.A. & Sjahrony, A. (2016). Aplikasi permainan bahasa bermultimedia ke arah memacu peningkatan kefahaman al-Quran dan Jawi. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*. Vol. 1, No. 1. Pages 1-12, 2016.

- Abdah, Z. A. (2021). Responden, Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Secara Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 Menggunakan Teknik Latih Tubi. Temu bual. 16 Mac 2021.
- Abu Bakar, B., Mad Siadid, M. N., Abdul Suwairi, A. J. (2012). Persepsi pelajar terhadap keberkesanan program j-QAF dalam kalangan pelajar tingkatan 1 – Satu kajian kes. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012. Johor Bahru: The Zon Regency by The Sea Johor Bahru.
- Bakri, S. N. S. (2021). Responden, Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Secara Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 Menggunakan Teknik Latih Tubi. Temu bual. 18 April 2021.
- Basri, H. (1991). Laporan Penguasaan Jawi di Sekolah-sekolah Rendah. Kajian IRPA. Unibersiti Malaya.
- Che Mat, A. Azarudin Awang, A. & Ismail, M. (2016). *Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Jawi Murid Kelas Al-Quran & Fardhu Ain (KAFA) Tahun 5: Satu Kajian Kes.* Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun, Terengganu. Universiti Terbuka Malaysia, Kampus Terengganu.
- Cik Hussin, N. (2009). Meningkatkan Kemahiran Membaca dan Mengeja Kata Pinjaman Bahasa Arab menggunakan Ejaan Jawi Melalui Kaedah Latih Tubi. [Online]. [Accessed on 22 November 2010] [www.scribd.com/doc/1665742/Kajian Tindakan](http://www.scribd.com/doc/1665742/Kajian-Tindakan)
- Daros, I. (1981). Faktor-faktor Yang Menyebabkan Pelajar-pelajar Di Peringkat Menengah Melakukan Kegiatan Ponteng Sekolah, Latihan Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Daud, A. (2005). Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Program j-QAF di dua buah Sekolah Rintis di Terengganu. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Endut, M. (1992). *Pendidikan Islam KBSM: Satu kajian tentang masalah pengajaran di sekolah-sekolah di negeri Johor.* Tesis M. Ed., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Haron, I., Razali, A. R., Mohamed Isa, Z., Sainuddin, S. & Mamat, N. (2005). Kajian Keberkesanan Pengajaran Jawi di Sekolah Rendah menggunakan kaedah Gabungan Bunyi-Kata. atas talian – <http://rmc.upsi.edu.my/v2/ewacana/Jawi.htm>.
- Harun, M. (2017). *Analisis Pengajaran Jawi Secara Berkesan Menggunakan Kaedah MOHAIL: satu pengenalan awal.* Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak Darul Ridzuan.
- Ibrahim, N. (2015). *Kesan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan Terhadap Kemahiran Membaca & Menulis Jawi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah.* Universiti Sains Malaysia.
- Jusuh, A. (1990). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF. Bahagian Pendidikan Islam.
- Maruki, S. (2005). Amalan pengajaran guru yang berkesan: Kajian di beberapa sekolah menengah di Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.
- Md. Sahmilin, M. (2012). *Penggunaan “Kaedah Tiru Macam Saya” Membantu Menyambung Huruf Jawi Tunggal Dalam Kalangan Murid Tahun 3.* Institut Perguruan Kampus Batu Lintang. 89 – 100.
- Mohamad, M. (2007). *Penguasaan Kemahiran Jawi di Kalangan Murid Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.* Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2007.

- Mohamed, M. F., Enam, S. M., Zailani, M. A. (2015). The influence of teaching practice and students' attitude to the level of ability in writing Jawi script. *International Journal of Multidisciplinary Education and Research-IJMER*, Vol 2, Issue 2.
- Mohd. Rashid, A. (1991). Masalah-masalah Pengajaran Pendidikan Islam (KBSR): Satu Kajian Persepsi Guru-guru Rendah. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R. & Lukin, S. A. (2021b). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Volume 6 Issue 23 (April 2021). 140-156.
- Mokhtar, S., Shah, M. K. M., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S. & Marinsah, S. A. (2021c). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Volume 6 Issue 39 (May 2021). 178-193.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021a). Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 di Sandakan, Sabah: Cabaran dan Signifikan. *Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021*. 03 - 05 August 2021. 348-359.
- Nabilah Ghani. (2021). *Responden, Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Secara Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 Menggunakan Teknik Latih Tubi*. Temu bual. 11 Mac 2021.
- Nahar, N & Safar, J. (2016). *Pengajaran Jawi Berkesan Dalam Usaha Memartabatkan Warisan Budaya Bangsa*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Yaacob, N. R. (2007). Penguasaan Jawi Dan Hubungannya Dengan Minat Dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 22, 161–172.
- Riza, S. (2008). Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibnu Khaldun: Satu Kajian Terhadap Elemen-elemen Kemasyarakatan Islam. Disertasi Sarjana Sastera. Universiti Sanis Malaysia.
- Suhid, A. & Abdul Mutualib, L. (2008). *Model Kelas Pemulihan Jawi: Satu Penilaian Umum*.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (1992). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Tamuri, A. H., Abdul Ghani, K., Mokhtar, R. (2012). Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (JAIS) di sekolah-sekolah rendah agama negeri Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajaran Islam*, Bil. 1, ISSN-2231-8291. Februari 2012.
- Tamuri, A. H., Yusopp, A., Osman, K., Awaluddin, S., Abdul Rahim, Z., & Abdul Razak, K. (2004). Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar: Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Yazid, M. (1991). Penggunaan Tulisan Jawi di Kalangan Murid-murid Sekolah Menengah di Negeri Kelantan: Satu Kajian Khusus di Daerah Kota Bharu. Latihan Ilmiah. Akademi Islam. Universiti Malaya.
- Yusof, M. F. (2020). Tulisan Jawi adalah Identiti Negara. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/01/532116/tulisan-jawi-adalah-identiti-negara-metrotv> Tarikh capaian: 17 Januari 2022.